



Majlis

KONVOKESYEN

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

ke- **17**

14 – 17 Mac 2022 | Isnin – Khamis
bersamaan 11 – 14 Sya'ban 1443H
Dewan Canselor UTeM



UTeM

اونيورسيٲى ٲيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



*Di Sini
Segalanya Bermula*

UTeM

دewan Canselor
DEWAN CANSELOR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Segala puji-pujian untuk-Mu ya allah, tuhan sekalian alam, tuhan yang memiliki segala keagungan dan kekuasaan, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Juga ke atas keluarganya, para sahabatnya dan mereka yang mencontohinya sehingga hari kiamat.

ALLAH HUMMA YA ALLAH

Kami berhimpun di dewan yang serba indah, di hari yang penuh keceriaan ini, bersempena dengan majlis konvokesyen ke-17 universiti teknikal malaysia melaka, dalam suasana khusyuk dan tawaduk, kerana ingin memohon limpah kurniaanmu, 'inayah dan ri'ayahmu, taufik dan hidayahmu, agar diampunkan segala dosa-dosa kami, dosa kedua ibubapa kami, guru-guru kami serta dosa seluruh umat Nabi Muhammad S.A.W. Yang masih hidup mahupun yang telah meninggal dunia. Jadikanlah majlis kami ini, majlis yang sentiasa diredhai dan dirahmati oleh-Mu.

ALLAH HUMMA YA ZALFADLI WAL IHSAN

Tuhan yang mempunyai kemuliaan dan kebesaran, anugerahilah azam yang tinggi, kemuliaan budi pekerti yang murni, ke atas para pendidik dan pensyarah yang telah mencurahkan tenaga dan idea, dalam kepayahan dan keperitan mendidik anak bangsa kami, memecahkan kegelapan dan kejahilan yang menyelubungi pemikiran dan hati anak bangsa kami, meneranginya dengan cahaya ilmu dan pengetahuan sehingga anak bangsa kami berjaya mencapai kepuncak kejayaan. Jadikanlah kegigihan dan keikhlasan mereka itu untuk menambahkan kekuatan dan ketinggian martabat mereka sebagai ahli ilmunan dan pengamal teknikal dan kejuruteraan yang ulung di negara kami.

ALLAH HUMMA YA ZALQUWWATIL MATIN

Limpahkanlah rahmat dan petunjuk-Mu, yang luas kepada penerima-penerima anugerah pada hari ini, kerana berkat kesungguhan mereka untuk mencapai kejayaan hidup, di dunia dan akhirat. Berikanlah mereka keyakinan, serta kekuatan, untuk terus menyumbangkan kepakaran, pemikiran dan segalanya, demi kemajuan agama, bangsa dan negara. Mudah-mudahan, penganugerahan dan pengiktirafan yang diberikan ini, dapat meningkatkan kompetensi dan seterusnya mengharumkan nama baik organisasi UTeM, ke persada dunia.

ALLAH HUMMA YA FATTAH YA 'ALIM


Kembangkanlah lembayung nikmat dan rahmatmu kepada pemimpin-pemimpin negara kami, khususnya di bawah naungan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, kepada pemimpin negeri yang kami kasihi, Tuan Yang Terutama, Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka, seluruh kepimpinan dan warga UTeM serta sesiapa sahaja yang bersama-sama dengan kami.

Ya Allah, berikanlah kami kekuatan dan keyakinan, serta tingkatkanlah iltizam kami agar segala ilmu yang telah engkau kurniakan, dapat kami pergunakan dengan sebaik-baiknya, dengan penuh jujur, dedikasi dan sentiasa maju ke hadapan. Kami jua memohon, semoga kerjasama dan usaha murni yang telah terjalin di antara kami ini, akan sentiasa mekar, di dalam persediaan untuk melangkah jauh sebagai Institusi Pengajian Tinggi yang terunggul.



CANSELOR
Chancellor

**TUAN YANG TERUTAMA TUN SERI SETIA (DR.)
HJ. MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM**
S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W.,
D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.



MENTERI PENGAJIAN TINGGI
Minister of Higher Education

YANG BERHORMAT DATUK SERI
DR. NORAINI BINTI AHMAD
D.G.S.M., D.S.A.P., D.M.S.M.



PRO-CANSELOR
Pro-Chancellor

**YANG BERBAHAGIA TAN SRI
DATO' SERI (DR.) HALIM BIN SAAD**
P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.M.P.,
D.C.S.M., D.S.A.P., D.P.M.P.



PRO-CANSELOR

Pro-Chancellor

**YANG BERBAHAGIA DATUK
DR. SABIRIN BIN JA'AFAR
D.M.S.M.**



**PENGERUSI LEMBAGA
PENGARAH UNIVERSITI**
Chairman of the University
Board of Directors

**YANG BERBAHAGIA DATUK SERI DR. HAJI
HASIM BIN HASAN**
D.G.S.M., D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., P.P.T., P.M.C.





**MENJALANKAN FUNGSI
NAIB CANSOLOR**
Acting Vice-Chancellor

**YANG BERBAHAGIA PROFESOR IR.
DR. GHAZALI BIN OMAR**

Sekapur Sirih

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah kurniaNya yang mengizinkan kita untuk bersama-sama meraikan detik yang penuh bersejarah dalam peredaran usia Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) iaitu Majlis Konvokesyen Ke-17, UTeM. Sudah semestinya pada hari yang bersejarah ini, rasa bangga dizahirkan atas kejayaan 3275 graduan yang berjaya menamatkan pengajian dalam pelbagai peringkat dan bidang pengajian mereka menerusi lapan (8) sesi anugerah yang merangkumi 63 graduan Ijazah Doktor Falsafah, 194 graduan Ijazah Sarjana, 2525 graduan Ijazah Sarjana Muda dan 493 orang graduan Diploma. Buat julung kalinya pada Majlis Konvokesyen kali ini, UTeM turut menganugerahkan Profesor Emeritus kepada YBhg. Datuk Ismail bin Hassan sebagai tanda penghargaan atas segala sumbangan dan keilmuan yang telah dicurahkan kepada UTeM.

Selain itu, Majlis Konvokesyen ini juga menyaksikan penganugerahan ijazah secara Aegrotat dan Anumerta kepada empat orang penerima yang telah memenuhi syarat dan kriteria pengijazahan yang ditetapkan oleh Universiti. Peningkatan bilangan graduan saban tahun membuktikan peningkatan kecemerlangan UTeM dalam menghasilkan graduan yang seimbang dan berkompentensi tinggi sejajar dengan kejayaan UTeM dalam meraih pelbagai kejayaan sepanjang tempoh dua dekad penubuhan Universiti tercinta ini.

Kejayaan yang di kecapai hari ini bukanlah penamat dalam fasa perkembangan intelektual dan potensi diri, namun ia merupakan titik asas untuk saudara saudari memulakan langkah dalam peringkat seterusnya yang semakin kompleks. Kemantapan jati diri dan personaliti diri yang unggul menjadi tunjang utama untuk terus survival dalam memenuhi kehendak alam pekerjaan yang semakin mencabar khususnya selepas dunia terkesan dengan penularan pandemik COVID-19. Kejayaan yang telah diukir di atas transkrip perlu dilengkapi dengan pembawaan diri yang holistik dalam segenap keperluan.

Sebelum menutup ruang kata ini, saya berharap agar graduan UTeM dapat gunakan segala ilmu dan pendedahan dengan mencipta inovasi dan solusi terbaik daripadanya demi kemaslahatan diri, keluarga, masyarakat serta Negara. Teruskan semangat T.U.A.H

- Tangkas, Unggul, Adaptif dan Holistik sebagai perisai dalam mengharungi kehidupan mendatang yang penuh cabaran. Saya juga menyeru saudara saudari untuk menyumbangkan pengalaman dan kepakaran yang dimiliki menerusi penglibatan aktif dalam Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) dan terus memberikan sumbangan dalam Tabung Wakaf dan Endowmen UTeM.

Akhir kata, saya berdoa agar semua graduan UTeM dikurniakan masa depan yang berjaya dan gemilang di dunia dan akhirat. Insya Allah. Sekian, terima kasih.

PROFESOR IR. DR. GHAZALI BIN OMAR
Menjalankan Fungsi Naib Canselor



Foreword

IN THE NAME OF ALLAH, MOST MERCIFUL,
MOST COMPASSIONATE

Assalamualaikum Warahmahtullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera.

Praise be to the Almighty Allah S.W.T. for His mercy and blessings has enabled us to gather for the momentous event of the 17th Convocation of Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). This year's convocation is held over eight (8) sessions, witnessing a total of 493 students conferred with Diploma, 2525 conferred with Bachelor's Degree, 194 graduates receiving their Master's Degree and 63 awarded with Doctorate Degree. It is also with great pleasure that this year, we announce the inaugural conferment of Professor Emeritus to Datuk Ismail bin Hassan to honour his contribution and scholarship as an emerita.

In addition, the 17th Convocation will also be witnessing the presentation of *Aegrotat* and Posthumous to four candidates of whom had fulfilled all the criteria for graduation. The rise in the number of graduates proves a testimony of UTeM's commitment throughout its two decades of establishment - producing holistic and highly-competent graduates who are not only academically viable but also morally sound. Today commemorates yet another milestone for all graduands - this is a vital triumph for graduands to embark upon yet another chapter in your life's journey. Robust talents, adaptive and remarkable personality are the mainstays for sustainability, in accomplishing the needs and demands of the complex and competitive future, which as we witness today, has been gravely impacted by COVID-19 pandemic. Your success therefore, must be pursued with a holistic disposition in manifold aspects.

Finally, my advice to all of you is to utilize the knowledge in the worthiest manner for the good of your fellow mankind and the nation. Be agile, adaptive, and optimistic in your journey forward. UTeM has equipped you with the skills for life, it is now for you to create and innovate the best out of it. I urge you to join your colleagues in the UTeM Alumni association or AUTeM and encourage you to contribute to the UTeM Waqf and Endowment Fund, as a gesture of gratified TUAH UTeM. Here's wishing all of you the best and most rewarding future. Thank you.

PROFESSOR IR. DR. GHAZALI BIN OMAR
Acting Vice Chancellor



LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
UNIVERSITY BOARD OF DIRECTORS



PENGERUSI – *Chairman*
 YBHG. DATUK SERI DR. HAJI HASIM BIN HASAN



AHLI - *Member*
 YBHG. PROFESOR IR. DR.
 GHAZALI BIN OMAR



AHLI - *Member*
 YB DATUK ZAIDI
 BIN JOHARI



AHLI - *Member*
 YBRS. TUAN HAJI KAMARUZAMAN
 BIN MAHMOOD



AHLI - *Member*
 YBRS. ENCIK ZULKHAIRIL
 AMAR BIN MOHAMAD



AHLI - *Member*
 YBHG. PROFESOR DATUK TS. DR.
 SHAHRIN BIN SAHIB, FASc



AHLI - *Member*
 YBHG. DATO' MOHAMMAD
 AZLAN BIN ABDULLAH



AHLI - *Member*
 YBHG. DATUK NIK AIRINA
 BINTI NIK JAFFAR



AHLI - *Member*
 YBHG. DATO' AMINUDDIN BIN
 MD HANAFIAH



AHLI - *Member*
 YBRS. PUAN FARNIDA BINTI
 NGAH



AHLI - *Member*
 YBRS. TS. DR. ZAHRI
 BIN YUNOS



AHLI SILIH GANTI KPT - *Member*
 YBRS. PUAN MAZLINA
 BINTI MOKHTAR



SETIAUSAHA - *Secretary*
 YBRS. ENCIK MASDZARIF
 BIN MAHAT

SENAT SENATE



PENGERUSI - *Chairman*
PROFESOR IR. DR. GHAZALI BIN OMAR
 MENJALANKAN FUNGSI NAIB CANCELOR
Acting Vice-Chancellor



AHLI - *Member*
**PROFESOR DR. ZULKIFILIE
 BIN IBRAHIM**
 TIMBALAN NAIB CANCELOR
 (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)
*Deputy Vice-Chancellor
 (Academic & International)*



AHLI - *Member*
**PROFESOR IR. DR. GHAZALI
 BIN OMAR**
 TIMBALAN NAIB CANCELOR
 (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)
*Deputy Vice-Chancellor
 (Research & Innovation)*



AHLI - *Member*
**YBHG. DATUK DR. SABRI
 BIN MOHAMAD SHARIF**
 TIMBALAN NAIB CANCELOR
 (HAL EHWAL PELAJAR)
*Deputy Vice-Chancellor
 (Student Affairs)*



AHLI - *Member*
**PROFESOR MADYA TS. MOHD RAHIMI
 BIN YUSOFF**
 (PENOLONG NAIB CANCELOR
 PEMBANGUNAN & PENGURUSAN FASILITI)
*Assistant Vice-Chancellor
 (Development & Facility Management)*



AHLI - *Member*
**PROFESOR MADYA IR. DR. MD NAZRI
 BIN OTHMAN**
 (PENOLONG NAIB CANCELOR
 JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT)
*Assistant Vice-Chancellor
 (Industry & Community Network)*



AHLI - Member
**PROFESOR TS. DR. NOREFFENDY
 BIN TAMALDIN**
 DEKAN
 PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH
 Dean
Centre for Graduate Studies



AHLI - Member
**PROFESOR MADYA TS. DR.
 MUHAMMAD FAHMI BIN MISKON**
 DEKAN
 FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK
 Dean
Faculty of Electrical Engineering



AHLI - Member
**PROFESOR MADYA DR.
 MASRULLIZAM BIN MAT IBRAHIM**
 DEKAN
 FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK &
 KEJURUTERAAN KOMPUTER
 Dean
*Faculty of Electronics & Computer
 Engineering*



AHLI - Member
DR. RUZTAMREEN BIN JENAL
 DEKAN
 FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL
 Dean
Faculty of Mechanical Engineering



AHLI - Member
**PROFESOR DR.
 ZAMBERI BIN JAMALUDIN**
 DEKAN
 FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN
 Dean
Faculty of Manufacturing Engineering



AHLI - Member
PROFESOR TS. DR. RABIAH BINTI AHMAD
 DEKAN
 FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT
 & KOMUNIKASI
 Dean
*Faculty of Information &
 Communications Technology*



AHLI - Member
**PROFESOR MADYA DR. JUHAINI
 BINTI JABAR**
 DEKAN
 FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI &
 TEKNOUSAHAWANAN
 Dean
*Faculty of Technology Management &
 Technopreneurship*



AHLI - Member
TS. DR. ROSTAM AFFENDI BIN HAMZAH
 DEKAN
 FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK &
 ELEKTRONIK
 Dean
*Faculty of Electrical & Electronic
 Engineering Technology*



AHLI - Member
**PROFESOR MADYA TS. DR.
 UMAR AL-AMANI BIN HAJI AZLAN**
 DEKAN
 FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN
 MEKANIKAL & PEMBUATAN
 Dean
*Faculty of Mechanical & Manufacturing
 Engineering Technology*



AHLI - Member
PROFESOR MADYA DR. SAFIAH BINTI SIDEK
 DEKAN
 INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI &
 KEUSAHAWANAN
 Dean
*Institute of Technology Management &
 Entrepreneurship*



AHLI - Member
DR. MOHD FAUZI BIN KAMARUDIN
 DEKAN
 PUSAT PEMBELAJARAN BAHASA
 Dean
Centre for Languages Learning



AHLI - Member
**PROFESOR IR. DR.
 MARIZAN BIN SULAIMAN**
 PROFESOR
 Professor



AHLI - Member
**YBHG. PROFESOR DATUK TS. DR.
 SHAHRIN BIN SAHIB, FASc.**
 PROFESOR
 Professor



AHLI - Member
**YBHG. PROFESOR DATUK IR. TS. DR.
 MOHD JAILANI BIN MOHD NOR**
 PROFESOR
 Professor



AHLI - Member
**PROFESOR DR. ABDUL
 RANI BIN OTHMAN**
 PROFESOR
 Professor



AHLI - Member
**PROFESOR DR. MOHD KHANAPI
 BIN ABD GHANI**
 PROFESOR
 Professor



AHLI - Member
**PROFESOR IR. DR. BADRUL
 HISHAM BIN AHMAD**
 PROFESOR
 Professor



AHLI - Member
**PROFESOR DR. ZAHRILADHA
 BIN ZAKARIA**
 PROFESOR
 Professor



AHLI - Member
**PROFESOR IR. DR. HAMBALI
 BIN AREP @ ARIFF**
 PROFESOR
 Professor



AHLI - Member
**PROFESOR TS. DR. BURHANUDDIN
 BIN MOHD ABOOBAIDER**
 PROFESOR
 Professor



AHLI - Member
**PROFESOR IR. DR. KENNETH
 A/L SUNDARAJ**
 PROFESOR
 Professor



AHLI - Member
PROFESOR TS. DR. GOH ONG SING
 PROFESOR
 Professor

SENAT SENATE



SETIAUSAHA/AHLI EX-OFFICIO -
Secretary/Ex-Officio Member
ENCIK MASDZARIF BIN MAHAT
KETUA PEGAWAI OPERASI
Chief Operating Officer



AHLI EX-OFFICIO -
Ex-Officio Member
ENCIK KHAIRUL BIN TAIB
BENDAHARI
Bursar



AHLI EX-OFFICIO -
Ex-Officio Member
**YBHG. DATUK AZHAR
BIN MOHAMED**
PENASIHAT UNDANG-UNDANG
Legal Advisor



AHLI EX-OFFICIO -
Ex-Officio Member
ENCIK AZMAN BIN AYUP
KETUA PUSTAKAWAN
Head Librarian

Lambang Kuasa Universiti KERIS PANJANG

Keris Panjang dikatakan sebagai kumpulan yang tertinggi kedudukannya dalam kumpulan keris. Keris Panjang ini hanya dipakai oleh raja-raja atau pembesar-pembesar istana. Jenis ini juga kadangkala dikenali sebagai Keris Bahari atau Keris Sumatera atau Keris Darjat atau Keris Melela atau Keris Sapukal yang ditentukan melalui mata, hulu dan sarungnya. Mata jenis keris ini biasanya tirus dan lurus. Kadangkala keris jikalau sarungnya bersalutkan emas ia juga dikenali sebagai Keris Terapang atau Keris Terapang Gabus. Mata Keris Panjang UTeM ini ditempa daripada besi waja dan dikatakan telah berusia lebih daripada 200 tahun berasal dari Pagar Ruyong, Sumatera dan terakhir ditemui di Pattani.

Hulu dan sarung keris ini diperbuat daripada kayu cengal bersalutkan perak dan emas putih dengan ukiran menyeluruh bunga kesidang (bunga rasmi Negeri Melaka). Di atas sampirnya diterapkan dengan logo UTeM dan pada pangkal batang keris ditulis perkataan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dalam khat Kufi, di hadapan sarung dan tulisan rumi di belakang sarung. Hulu keris ini berbentuk tapak kuda dengan replika hiasan tertentu yang bernilai dan ukiran ayat Rabbi Zidni Ilma (Surah Thohaa: Ayat 114) yang bermaksud "Ya Tuhanku, tambahkanlah ilmuku" melingkari hulu tersebut. Di tengah sampir sarung depan juga terdapat ukiran Surah Al-Ala' sebagai menyaksikan kesungguhan Universiti berhubung dengan ilmu pengetahuan.

Keris melambangkan kebesaran dan kekuasaan masyarakat Melayu yang sangat dimuliakan. Di samping pengaruhnya yang kuat mendasari budaya dan adat resam Melayu, ia juga merupakan suatu lambang keindahan seni pertukangan Melayu yang dikagumi dan dihormati. Keris Panjang sebagai lambang kuasa Universiti akan diperuntukkan untuk dipakai dan dibawa oleh panglima semasa mengiringi Canselor pada Majlis Konvokesyen Universiti.



The University Symbol Of Authority

KERIS PANJANG

Keris Panjang is said to be of the highest stature amongst the groups of keris. Keris Panjang is only used by kings and royal court officials. This type of keris is sometimes known as Keris Bahari, Keris Sumatera, Keris Darjat, Keris Melela or Keris Sapukal which is determined by its blade, handle and cover. The blade of this type of keris is usually straight and sharp pointed. It is also known as Keris Terapang or Keris Terapang Gabus when its cover is gold plated.

The blade of UTeM Keris Panjang is made of steel and is said to be 200 years old and originated from Pagar Ruyong, Sumatera. It was last seen in Pattani. The handle and the cover of the keris are made of silver and platinum plated cengal. It is engraved with Bunga Kesidang (Malacca's official flower) motif. The UTeM logo is carved on the sampir of the keris. The wording Universiti Teknikal Malaysia Melaka is engraved in Kufi calligraphy on the front side of the cover and in Roman letters on the other side.

The handle of the keris is shaped like a horse shoe and engraved with the verse "Rabbi Zidni Ilma" (Surah Thohaa:114) which denotes "O Allah, grant me knowledge" across it. On the front side of the cover is a carving of Surah Al-Ala' verses, which symbolises the University's determination to acquire knowledge.

Keris is the noble symbol of power and authority of the Malay community. Besides its substantial influence on the Malay custom and culture, it is also a symbol of the admired and respected exquisite Malay craftsmanship. Keris Panjang as the symbol of power of the university is adorned by the panglima when escorting the Chancellor during the University Convocation.



Penerima Gelaran

PROFESOR EMERITUS

YANG BERBAHAGIA DATUK ISMAIL BIN HASSAN

Datuk Ismail bin Hassan dilahirkan pada 20 Julai 1948 di Beruas, Perak Darul Ridzuan. Bapanya Hassan bin Mat berkhidmat dalam pasukan Polis dan ibunya Sabariah binti Alwi merupakan suri rumah tangga. Keduanya telah kembali ke Rahmatullah 30 tahun lepas. Datuk Ismail menerima pendidikan awal peringkat rendah di beberapa sekolah mengikut tempat bapanya bertugas iaitu antaranya Sekolah Melayu Mantin, Negeri Sembilan, Sekolah Melayu Chemor Perak dan Sekolah Umum Jalan Pasir Putih Ipoh. Kemudian beliau meneruskan pelajaran diperingkat menengah di Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) Ipoh, sehingga Tingkatan Tiga. Seterusnya beliau berjaya diterima masuk ke Maktab Tentera DiRaja (MTD), Sungai Besi Kuala Lumpur bagi pengajian di Tingkatan 4 hingga ke Tingkatan 6 bagi tempoh tahun 1964 hingga 1967.

Dengan keputusan peperiksaan *Higher School Certificate (HSC)* yang cemerlang Datuk Ismail telah melanjutkan pengajian di University of Tasmania, Australia dengan biasiswa MARA/Colombo Plan dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Elektrik pada tahun 1972. Setelah berkhidmat sekejap dengan Institut Teknologi Kebangsaan (ITK) beliau telah menyambung pengajian di peringkat Sarjana di Imperial College London, United Kingdom di dalam bidang Mesin Elektrik dan Sistem Kuasa. Apabila tamat pengajian, beliau kembali sebagai tenaga pengajar di ITK yang telah naik taraf sebagai Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada mulanya terletak di Jalan Semarak Kuala Lumpur dan kemudian berpindah ke Skudai Johor.

Beliau telah mendirikan rumah tangga bersama Datin Noor Khayatee Binti Mohd Adnan dan pasangan ini telah dikurniakan tiga orang cahayamata, dua perempuan dan seorang lelaki beserta dua orang cucu.

Sepanjang perkhidmatan beliau di ITK/UTM selama 28 tahun, beliau telah memegang pelbagai jawatan pengurusan dari peringkat bawah sehingga kepada kepimpinan tertinggi Fakulti, iaitu bermula sebagai Ketua Jabatan Kuasa (1976-1978), Timbalan Dekan (1978-1983) dan Dekan (1988-1990) Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE). Beliau dilantik sebagai Profesor oleh UTM pada Ogos tahun 2000.

Kredibiliti yang terserlah serta pengalaman teknikal yang luas telah menjadikan beliau sebagai salah seorang tonggak utama dalam penubuhan dan pembangunan Universiti Teknikal pertama di Malaysia pada Disember 2000 yang asalnya diberi nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM), di mana beliau telah dilantik sebagai Timbalan Rektor (Akademik) pada Januari 2001. Seterusnya beliau menjadi Rektor ke-2 KUTKM pada Jun 2004 dan berikutan penjenamaan semula KUTKM kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada 1 Februari 2007, Datuk Ismail dalam kesinambungan jawatan dilantik menjadi Naib Canselor pertama UTeM. Beliau tamat perkhidmatan di UTeM pada Jun 2010.

Sepanjang tempoh perkhidmatan di UTM dan UTeM yang menjangkau lebih 36 tahun, beliau terlibat penuh dengan tugas pentadbiran tetapi berkesempatan juga aktif dalam penyelidikan dan perundingan. Pada peringkat antarabangsa di Imperial College London, beliau pernah menjadi ahli kumpulan projek "*Variable Pricing as a Load Management Strategy*" dengan geran Sterling Pound 84,859 (RM500,000). Beliau juga pernah terlibat dalam projek "*Integrated National Energy Planning*" anjuran Kementerian Tenaga, Telekom & POS dengan geran berjumlah RM360,000.00. Disamping itu, kumpulan penyelidik beliau di UTM menerima Geran Industri (IRGS) dalam projek "*Development of LV and HV HRC Fuse*" bersama UNH Engineering yang berjumlah RM1.49 juta. Sempena penyelidikan yang diceburi Datuk Ismail telah menghasilkan lebih 30 penerbitan jurnal/prosiding.

Dalam bidang perundingan Datuk Ismail turut terlibat di dalam beberapa projek peringkat kebangsaan khususnya berkaitan dengan industri tenaga elektrik. Pada tahun 1996-1997, beliau terbabit dalam satu projek mega negara milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) iaitu "*500 kV Transmission System Development*" dengan kos keseluruhan hampir mencecah RM1.5 billion melibatkan kerjasama konsortium perunding gabungan Ranhill Bersekutu, Black Veatch International (BVI) USA dan Tenaga Nasional Berhad sendiri,

dengan kontraktor utama MRCB-PNB. Kerja utama dalam projek berkenaan ialah pembinaan talian penghantaran kuasa pada voltan 500 kV sejauh 380 km dan 9 pencawang elektrik 275 kV/500 kV di sepanjang pantai barat Semenanjung Malaysia. Datuk Ismail juga pernah bertugas dalam Kumpulan Perunding perancangan projek "*Liwagu 275 kV Transmission System*" di Sabah melibatkan kos pembangunan dianggarkan RM500 juta.

Selain menunaikan tanggungjawab akademik, Datuk Ismail juga aktif dalam pertubuhan profesyen kejuruteraan dan pernah menjadi Ahli Jawatankuasa *Institute of Electrical & Electronics Engineers (IEEE)*, Malaysian chapter yang menyerlahkan sumbangan beliau sebagai Pengerusi mengendalikan "*IEEE International Conference on Electricity Sector Development & Demand Side Management*" yang berlangsung pada bulan November 1995 di Kuala Lumpur. Dengan pengalaman kerja kejuruteraan yang diperolehi, Datuk Ismail berjaya berdaftar sebagai Jurutera Profesional di bawah Lembaga Jurutera Malaysia.

Di atas jasa dan sumbangannya itu, beliau telah menerima beberapa anugerah dan darjah kebesaran, antaranya pingat Bintang Cemerlang Melaka pada tahun 2001 dan pingat Darjah Mulia Seri Melaka yang membawa gelaran Datuk pada tahun 2003 oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Syed Ahmad Al Haj bin Syed Mahmud Shahabudin.

Selepas bersara, Datuk Ismail bin Hassan masih bergerak aktif dalam aktiviti komuniti setempat. Beliau pernah menjadi Setiausaha Persatuan Keselamatan & Cegah Jenayah Taman Melawati Selangor pada tahun 2011 – 2016. Persatuan menganjur pelbagai program yang bertujuan meningkatkan semangat kejiwaan dikalangan penduduk yang dikira memainkan peranan penting menjaga keselamatan dan mencegah jenayah. Disamping itu penduduk akan hidup lebih aman dan bahagia dalam keadaan harmoni dan muhibbah masyarakat majmuk.



PROFESSOR EMERITUS

YANG BERBAHAGIA DATUK ISMAIL BIN HASSAN

Recipient

Datuk Ismail bin Hassan was born on 20 July 1948 in Beruas, Perak Darul Ridzuan. His late father Hassan bin Mat, served in the Police Force, while his late mother Sabariah binti Alwi was a housewife. Datuk Ismail received his primary education at several schools such as Sekolah Melayu Mantin in Negeri Sembilan, Sekolah Melayu Chemor and Sekolah Umum Jalan Pasir Putih in Perak. He began his secondary school journey at Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) Ipoh, until form 3 and went to the Royal Military College (RMC), Sungai Besi Kuala Lumpur for his form 4 to form 6.

With his excellent Higher School Certificate (HSC) result, Datuk Ismail was accepted into the University of Tasmania, Australia with a MARA/Colombo Plan scholarship where he graduated with a Bachelor's Degree in Electrical Engineering in 1972. He then, returned to Malaysia and served at the National Institute of Technology (ITK) and later continued his Master's at Imperial College London, United Kingdom in the field of Electrical Machines and Power Systems. Upon graduation, he returned home to serve as a Lecturer at ITK which had been upgraded to Universiti Teknologi Malaysia (UTM) that was initially located at Jalan Semarak, Kuala Lumpur, and then moved to Skudai, Johor.

Datuk Ismail is married to Datin Noor Khayatee Binti Mohd Adnan and they are blessed with three children; two daughters and a son. Now, Datuk Ismail is a grandfather of two grandchildren.


During his service for 28 years at ITK/UTM, he has held various management positions, starting as a Head of Power Department (1976-1978), Deputy Dean (1978-1983) and Dean (1988-1990) of Faculty of Electrical Engineering (FKE). In August 2000, UTM appointed Datuk Ismail as a Professor.

His professional credibility and vast technical experience, has made him as one of the pillars in the establishment and development of the first Technical University in Malaysia in December 2000, which was initially known as *Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM)* whereby he has been appointed as the Deputy Rector (Academic) in January 2001. Later on, he was appointed as the 2nd Rector of KUTKM in June 2004 and due to the rebranding of KUTKM to *Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)* on February 1, 2007, Datuk Ismail was then appointed as the first Vice Chancellor of UTeM. He served UTeM until June 2010.

Throughout his services at UTM and UTeM for over 36 years, even though he was mainly involved in administration, he still had the opportunities to participate actively in research and consultation. At the international level, he was the team member of "*Variable Pricing as a Load Management Strategy*" project at the Imperial College London with the grant amount of Pound sterling 84,859 (RM500,000). He was also involved in a project entitled "*Integrated National Energy Planning*", organized by the Ministry of Power, Telekom and POS with the grant amount of RM360,000.00. Besides that, his research group in UTM has received the Internal Research Grant Scheme (IRGS) for the "Development of LV and HV HRC Fuse" project in collaboration with the UNH Engineering with the total amount of RM1.49 million. During his involvement in research, Datuk Ismail has published more than 30 journal publications/proceedings.

In terms of consultation, Datuk Ismail has also participated in several projects related to the electric power industry at the national level. In 1996-1997, he was involved in a national mega project owned by *Tenaga Nasional Berhad (TNB)* known as the "500 kV Transmission System Development" with total estimated cost of nearly RM1.5 billion. This project involved a consortium of consultants from *Ranhill Bersekutu*, Black Veatch International (BVI) USA and *Tenaga Nasional Berhad*, with the main contractor being MRCB-PNB. The main task of the project was to design, develop and construct 500 kV transmission lines of 380 km length and nine 275kV/500kV substations along the West Coast in Peninsular Malaysia. Datuk Ismail has also worked in a Consultant Group to plan a project of "*Liwagu 275 kV Transmission System*" in Sabah that involved the development cost of RM500 million.

Apart from fulfilling his academic responsibilities, Datuk Ismail is also active in professional organisations. He was a Committee Member of the Institute of Electrical & Electronics Engineers (IEEE), Malaysian chapter which entrusted his contribution as the Chairman in conducting the "IEEE International Conference on Electricity Sector Development & Demand Side Management" that took place in November 1995 at Kuala Lumpur. Datuk Ismail's vast experience and contributions in the field of electrical engineering earned him the status of a Professional Engineer under the Board of Engineers Malaysia.



For his services and contributions, he has received several awards, including the Bintang Cemerlang Melaka medal in 2001 and the Darjah Mulia Seri Melaka medal which carries the title Datuk in 2003 from His Excellency Tun Datuk Seri Utama Syed Ahmad Al Haj bin Syed Mahmud Shahabudin.

After his retirement, Datuk Ismail bin Hassan is still active in local community activities. He was the Secretary of the Taman Melawati Selangor Security & Crime Prevention Association from 2011 to 2016. The association organized various programs aimed at improving the spirit of neighbourhood among the residents in maintaining safety and reducing crime within the community. As a consequence, the residents would live more peacefully and happily in a state of harmony and goodwill in this plural society.



Ucapan DEKAN FKE

Foreword DEAN'S FKE

PROFESOR MADYA DR. MUHAMMAD FAHMI BIN MISKON

Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Dean Faculty of Electrical Engineering

Assalamu'alaikum dan Salam Sejahtera

Segala puji bagi Allah, diangkat rasa syukur ke atas segala nikmat dan limpah kurniaNya, dapat kita bertemu di Majlis Konvokesyen ke-17 Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Tahniah diucapkan kepada semua graduan yang telah berjaya menempuhi perjuangan murni menuntut ilmu dan mendapatkan segulung ijazah. Tahniah juga kepada ibu bapa dan keluarga graduan yang menyokong penuh perjalanan graduan sehingga impian menjadi kenyataan.

Graduan, terdapat kata hikmah yang menyatakan 'Pengetahuan adalah kuasa'. Dengan ijazah dalam bidang tertentu, anda merupakan antara kurang daripada 0.01% daripada keseluruhan populasi dunia yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran khusus tersebut. Ini bermakna anda adalah unik, berkuasa dan amat penting. Seinggakan dunia menanti-nantikan anda untuk melakukan perubahan terhadapnya ke arah kebaikan. Justeru, tetapkan hati anda, dan berilah semula kepada dunia bermula dari awal. Anda harus yakin bahawa setiap idea, cadangan, penambahbaikan, dan inovasi yang ada sumbangkan akan memberi kesan yang besar kepada dunia.

Namun, dengan kuasa yang hebat, terdapat tanggungjawab yang besar. Berhati-hatilah kerana segala keputusan yang anda buat boleh jadi memberikan impak negatif kepada masyarakat dan alam sekitar. Terus kukuhkan integriti dengan sentiasa melakukan perkara yang betul, walaupun tiada sesiapa yang melihat. Pilihlah fikiran dan tindakan berdasarkan nilai yang baik, dan bukan untuk kepentingan peribadi.

Akhir kata, saya mendoakan anda semua dengan masa depan yang terbaik. Semoga Allah memandu kita semua ke jalan yang lurus dan memudahkan urusan dalam segala cabaran yang kita hadapi. Semoga UTeM sentiasa dekat di hati anda.

All praises to Allah, for with Allah great bounties and blessings, we could meet in the UTeM 17th Convocation Ceremony.

Congratulations to all graduates especially those from FKE, who have successfully completed a noble journey in seeking knowledge and getting a degree. Congratulations also to the parents and family for the full support throughout the journey until a dream has come true.

Dear graduates, there is a saying that says 'Knowledge is power'. With a degree in any field, you are among the less than 0.01% of the whole world population with the specific knowledge and skill sets. This means you are unique, powerful, and important. So much so that the world awaits you to change it for the better. So set your heart to give back to the world right from the start. For you must believe that any of your idea, suggestion, improvement, and innovation will have a big repercussion to the world.

But beware that with great power, comes great responsibility. Be careful with the decision that you made as it could also have negative impact to the society and the environment. Keep on strengthening your integrity by always doing the right thing, even when no one is watching. Always choose your thoughts and actions based on good values rather than personal gain.

On that note, I wish you all the best in your future undertaking. May Allah guide us all and make it easy for any challenge that we face. May UTeM always be close to your heart.





Ucapan DEKAN FKEKK

Foreword DEAN'S FKEKK

PROFESOR MADYA DR. MASRULLIZAM BIN MAT IBRAHIM
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Komputer
Dean Faculty of Electronics & Computer Engineering

Assalamu'alaikum dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah...Setingginya kesyukuran terhadap segala nikmat dan limpahan kurniaanNya, kita dapat bertemu khusus untuk Majlis Konvokesyen ke-17 Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Walaupun kita bergelut menghadapi cabaran pandemik COVID-19 tetapi dengan kerjasama semua pihak terutamanya daripada kalangan pensyarah dan staf sokongan, norma baru di dalam pengajaran dan pembelajaran telah berjaya dapat disesuaikan oleh para pelajar hingga berjaya memacu ke titik akhir pengajian.

Tahniah diucapkan kepada semua graduan FKEKK di atas kegigihan dan kesungguhan yang telah diberikan sepanjang pengajian untuk menggapai matlamat menjadi seorang graduan UTeM. Segala perit jerih selama tempoh pengajian sebagai seorang pelajar UTeM akhirnya menghasilkan sesuatu yang sangat bernilai. Pastinya hari ini merupakan satu sejarah di dalam hidup yang tidak akan lekang di dalam ingatan dan akan disanubarikan kepada ahli keluarga dan keturunan anda di masa hadapan.

Sewajarnya, ribuan tahniah juga perlu diberikan kepada semua ibu bapa para graduan sekalian. Di sebalik tabir dan bayangan kepada para graduan, mereka tidak pernah kenal erti jemu dalam dakapan doa yang mereka titipkan untuk anak mereka. Titik peluh dan keringat yang terhasil dalam merealisasikan cita-cita anak yang disayangi sudah pasti tidak dapat dinilai dengan ungkapan. Sudah menjadi kewajipan kepada para graduan untuk membalas segala jasa mereka yang tidak terhitung banyaknya dan mengangkat martabat mereka setinggi langit di angkasa.


Para graduan sekalian, di hadapan anda sekarang terhampar jalan-jalan kejaya dan kehidupan yang perlu direntasi. Gunakan segala ilmu, kemahiran dan pengalaman semasa berada di FKEKK khususnya dan UTeM amnya, untuk mengungguli setiap jalan-jalan tersebut. Sentiasalah bersama dengan kami di FKEKK dalam menyemarakkan lagi gedung ilmu dan kemahiran yang anda dukungi di industri. Bak kata pepatah, tempat yang jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat anda menimba segala ilmu dan kemahiran. Akhir kata, selamat maju jaya dengan kejaya anda, sematkanlah FKEKK dihatimu.

Alhamdulillah. Much gratitude for all His blessings and bounties that we can finally meet for Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) 17th Convocation Ceremony. In our struggle to face the challenges from the COVID-19 pandemic, support and cooperation from the lecturers, staff, and everyone involved have made the new norm in teaching and learning a success for the students to adapt and finish their study amidst all adversity.

Congratulations to all FKEKK graduates for their perseverance and determination throughout their studies that has helped them to achieve their goals of becoming a graduate of Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). All the hard work as a UTeM student has finally resulted in something very valuable. Today marks a momentous day in your life that will forever be treasured in your memory and cherished by your families.

Most importantly, parents of all the graduates deserved a great deal of congratulations. With countless prayers and hard work, parents are the driving force behind the scenes of the student's success. No words can describe how much blood, sweat, and tears your parents have sacrificed to transform their child's dream into a reality. Hence, it is your duty to repay them back for all their sacrifices and contributions and to place and uphold their pride and dignity sky high.

Dear graduates, in front of you now lie the career and life paths that you need to journey. To excel in each of these paths, -use and utilise all the knowledge, skills, and experience you have gained in FKEKK and UTeM. Let's work together along with FKEKK to spread the knowledge and skills which you uphold in the industry, Last but not least, as saying goes 'east, west, home's the best', I am sure that FKEKK will always remain as a special place in your heart as this is where you learn and grow. Finally, I wish you all the success in your career, save a place for FKEKK in your heart.





Ucapan DEKAN FKM

Foreword DEAN'S FKM

DR. RUZTAMREEN BIN JENAL

Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Dean Faculty of Mechanical Engineering

Azzalamu'alaikum dan Salam Sejahtera

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat meraikan Majlis Konvokesyen UTeM buat kali ke-17 pada tahun 2022 ini.

Sekalung tahniah diucapkan kepada para graduan UTeM di atas daya usaha, kegigihan dan kesabaran sepanjang mengharungi liku dan ranjau dalam pengajian masing-masing. Syabas dan tahniah juga kepada ibu bapa dan ahli keluarga di atas sokongan dan dorongan yang telah diberikan kepada anak-anak ini sehingga mereka berjaya melakar sejarah peribadi ini dalam hidup mereka. Tidak lupa juga kepada semua barisan pensyarah dan pembimbing yang tidak pernah kenal erti penat lelah dalam mencurahkan ilmu dan mendidik para graduan sehingga berjaya.

Tamatnya pengajian di UTeM ini, bermakna bermulanya kehidupan sebenar di dunia luar. Selamat datang ke dunia realiti yang penuh emosi dan memerlukan profesionalisme di tahap tertinggi. Pamerkan ciri-ciri seorang graduan yang menepati kehendak industri semasa yang antara lainnya memerlukan tenaga kerja yang kreatif, inovatif dan berintegriti tinggi. Gunakan ilmu yang ada sebaik mungkin. Bangunkan ilmu yang ada dengan pengalaman yang bakal anda alami.

Akhir kalam, tahniah sekali lagi diucapkan atas kejayaan cemerlang yang menjadi kebanggaan para graduan semoga semua graduan terus mencipta kecemerlangan dunia dan akhirat.

I would like to express my gratitude to Almighty Allah for his blessings and for allowing us to celebrate the UTeM's 17th Convocation of 2022.

Congratulations to all UTeM graduates for your hard work, persistence, and patience during this long challenging road to reach this auspicious day: your graduation day. I would also like to express my heartiest congratulations to the parents and family members for their encouragement and support to these young people in their effort to write this journey in the personal history of their lives. I would also like to congratulate and thank the lecturers and mentors who tirelessly worked with the graduands until they reach their sweet success.

The end of your time at UTeM signifies the beginning of the new chapter of your journey. Welcome to the real world where emotions runs high, yet demanding the highest level of professionalism. Show the world your industry-relevant characteristics that will stand you in good stead in the industry: your creativity, your sense of innovation, and your deeply rooted integrity. Use your knowledge well and develop it into the myriads of experiences that you will encounter in your lives.

Finally, I would like to congratulate you, our graduands, on your shining success. You truly should be proud of your achievement, and I pray that you will continue to strive for excellence here in the world and in the Hereafter.





Ucapan DEKAN FKP

Foreword DEAN'S FKP

PROFESOR DR. ZAMBERI BIN JAMALUDIN

Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Dean Faculty of Manufacturing Engineering

Assalamu'alaikum dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, dengan limpahan rahmatNya, maka dapat UTeM merealisasikan Majlis Konvokesyen ke-17 setelah sekian lama tertangguh akibat daripada pandemik COVID-19 yang telah memberikan kesan yang mendalam kepada setiap lapisan masyarakat di seluruh dunia. Sudah pastinya defik ini sangat ditunggu-tunggu oleh saudara-saudari serta kaum keluarga sekalian.

Bersempena dengan penganjuran Majlis Konvokesyen ini, maka saya mewakili keseluruhan warga dan staf Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi TAHNIAH di atas kejayaan saudara-saudari sekalian memperolehi segulung ijazah yang tinggi maknanya buat kita semua. Pastinya segulung ijazah yang digenggam ini menjadi manifestasi kepada penat-jeih dan segala cabaran yang saudara-saudari sekalian telah tempuhi sepanjang 3 - 4 tahun menimba ilmu di UTeM.

Cabaran ini menjadi lebih unik lagi dengan persekitaran pembelajaran dan pembelajaran yang jauh berbeza dari kaedah konvensional yang biasa kita lalui kepada kaedah pembelajaran atas talian yang mungkin memberikan kesan kepada prestasi akademik masing-masing. Sebagai graduan UTeM dan alumni FKP, saya doakan agar saudara-saudari sekalian akan terus cemerlang dan berjaya di dalam fasa kehidupan yang berikutnya yang pastinya lebih mencabar. Walau bagaimanapun, saya yakin, dengan ilmu dan pengalaman yang telah diperolehi sepanjang pengajian di UTeM, maka cabaran yang mendatang ini akan dapat diharungi dengan penuh keyakinan, ketabahan dan kejayaan.

Akhir kata, besarlah harapan kami agar saudara-saudari sekalian dapat terus menjaga nama baik universiti dan fakulti selain melonjakkan lagi imej dan jenama UTeM/FKP ini ke persada yang lebih luas. Selamat Maju Jaya!

Alhamdulillah, with His blessings, UTeM can realise the 17th Convocation Ceremony which has been long overdue because of the COVID-19 pandemic that is affecting all parts of the community all over the world. I am sure that this is the moment that all of you including your parents and family members have been waiting for.

In conjunction with this Convocation Ceremony, I on behalf of all members of Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) would like to congratulate all graduate on your success in obtaining the scroll which we are sure to carry a very special meaning. The scroll is the manifestation of all the hard work, dedications, and challenges that all of you have put forth during your 3 to 4 years of studies at UTeM.

This is especially true with unique challenges that have seen the conventional teaching and learning environment being drastically converted to a fully online mode that might in some ways affect the students academic performance. As graduates of UTeM and alumni of FKP, it is my sincere hope that all of you would continue to excel and succeed in the next challenging chapter of your life as a career person.. I am completely sure that all of you would weather these challenges with confidence, dedication, and success as UTeM has equipped you with the best of experiences, skills, and knowledge.

Finally, it is our great hope that all of you would carry and uphold the good names of UTeM and FKP while extending the image and brand of UTeM to greater height. All the best!





Ucapan DEKAN FTMK

Foreword DEAN'S FTMK

PROFESOR Ts. DR. RABIAH BINTI AHMAD
DEKAN FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI
Dean Faculty of Information & Communications Technology

Azzalamu'alaikum dan Salam Sejahtera

TAHNAH dan syabas atas kejayaan cemerlang pelajar FTMK! Menjadi kebanggaan untuk semua. Alhamdulillah Semoga terus mencipta kecemerlangan dunia dan akhirat. Terima kasih atas segala usaha, semangat dan kesungguhan kalian.

Saya berharap para graduan akan berusaha untuk mempelbagaikan lagi kemahiran yang ada dengan memperingkatkan kemahiran komunikasi, menggunakan kemahiran ICT dengan sebaiknya supaya dapat membantu dalam dunia pekerjaan kelak dan memacu peningkatan produktiviti bagi pencapaian kerjaya yang berpendapatan tinggi.

Saya berkeyakinan para graduan yang diraikan kali ini akan berjaya di pasaran pekerjaan dan sentiasa maju dalam kehidupan.

Anda bukan lagi PELAJAR atau MAHASISWA. Selamat datang ke dunia realiti yang penuh emosi dan memerlukan profesionalisme di tahap tertinggi. Gunakan ilmu yang ada sebaik mungkin. Bangunkan ilmu yang ada dengan pengalaman yang bakal anda alami. Syabas sekali lagi.

My heartiest congratulations and jubilation on your brilliant success, dear FTMK graduands! We are so very proud of you. Alhamdulillah- All praises are due to Allah. May you keep creating your success in the world and in the Hereafter. Thank you for all your hard word, your fighting spirit, and your commitment.

I truly hope that you, the graduands, will keep diversifying your skills, improving your communication skills, and using your ICT skills in the best way possible to help you succeed in the workplace. May you drive the increase in productivity and career achievement that brings with it great financial success as well.

I am confident that the graduands we are celebrating today will create success after success in their career paths and will become the trailblazers in their lives.

You are no longer a STUDENT or an UNDERGRADUATE. You are about to be the graduate who are taking their first steps into the real world, a world where you have spent four years preparing yourself for. Keep your wits about you, take your steps with wisdoms and confidence. Insha-Allah, you will create your success with blessings from the Most High. Congratulations again.





Ucapan DEKAN FPTT

Foreword DEAN'S FPTT

PROFESOR MADYA DR. JUHAINI BINTI JABAR
Dekan Fakultas Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan
Dean Faculty of Technology Management and Technopreneurship

Azzalamu'alaikum dan Salam Sejahtera

Saya selaku Dekan Fakultas Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT), dengan berbesar hatinya ingin meraikan pencapaian pelajar kita pada masa yang luar biasa dan sukar ini. Ianya merupakan satu perjalanan yang panjang dan mencabar, namun ia pastinya menghasilkan sesuatu yang bermanfaat. Tahniah kepada semua! Anda boleh!

Di FPTT, pelajar-pelajar terlibat dengan kerja kursus yang disusun dengan teliti, berpeluang menerokai program pembangunan profesional seperti latihan industri, dan mengaplikasi ilmu berkaitan perniagaan dan keusahawanan di luar bilik kuliah melalui pelbagai program yang dianjurkan oleh persatuan pelajar.

Kurikulum kami mengamalkan teori, menyuburkan pelajar dengan keyakinan, kemahiran dan pengalaman bagi memulakan kerjaya atau perniagaan di masa yang mencabar ini.

Fokus utama FPTT ialah Teknousahawan dan Inovasi. Pandangan peribadi saya, ahli profesional kini perlu mengintegrasikan nilai keusahawanan dan kesedaran tentang tanggungjawab sosial dan alam sekitar, serta keupayaan untuk menghargai kepelbagaian budaya selain budaya mereka sendiri. Satu faktor penting ialah mengiktiraf bahawa aktiviti keusahawanan menyumbang kepada kehidupan yang lebih baik. Kini, kita dapat menyaksikan betapa pentingnya keusahawanan di dalam melestarikan pertumbuhan ekonomi dan penciptaan peluang pekerjaan.

Dalam keadaan pandemik, semua menyedari betapa rapuhnya kenormalan. Di dalam sekelip mata, seluruh dunia boleh berubah dan apa yang anda "ambil mudah" sebelum ini langsung tidak terpakai lagi.

Anda juga telah menjadi saksi kepada perjuangan masyarakat untuk bertindak dan menyesuaikan diri dengan situasi baru. Universiti perlu segera mengadaptasi transformasi namun perlu memastikan matlamat asal penubuhannya tidak tersasar.

